

MAHATHIR - AKHBAR R' R' R'
(1)

DARI SYED IMARAN ALSAGOF

1984

RAWALPINDI, 22 MAC (BERNAMA) -- AKHBAR HARIAN TERSEBUT DI PAKISTAN HARI INI MENSIFATKAN LAWATAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KE NEGARA TERSEBUT SEBAGAI LAWATAN YANG DITUNGGU-TUNGGU DENGAN PENUH MINAT.

DALAM LIDAH PENGARANGNYA, AKHBAR THE PAKISTAN TIMES JUGA MENGANGGAP DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN MALAYSIA YANG BERINSPIRASI. BELIAU BUKAN DARI GOLONGAN RAJA DAN MENGHABISKAN NASA MUDANYA DENGAN BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT SEBAGAI DOKTOR PERUBATAN.

AKHBAR ITU BERKATA APABILA PRESIDEN Z I A UL-HAQ MELAWAT MALAYSIA DALAM TAHUN 1982, HUBUNGAN PERXBAOX YANG ERAT TERJALIN ANTARA BELIAU DENGAN DATUK SERI O R. MAHATHIR.

L A MENAMBAH BAHAWA PAKISTAN O A N MALAYSIA TELAH LAMA MEMPUYAI PANDANGAN POLITIK YANG SAMA OF PERINGKAT DUNIA DAN SERANTAU DAN TELAH BERSAMA-SAMA MELANCARKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DALAM KEADAAN KEMELESETAN DUNIA.

SEBAGAI MEMBUKTIKAN PENDEKATAN YANG PRAGMATIK TERHADAP PERHUBUNGAN DUA HALA, KEDUA-DUA ORANG PEMIMPIN ITU TELAH MERESTUI PENUBUHAN JAWATANKUASA BERSAMA PAKISTAN-MALAYSIA BAGI KERJASAMA TEKNIK DAN EKONOMI. -- LAGI 1655/MB

MAHATHIR AKHBAR 2 RAWALPINDI R'R'R'

JAWATANKUASA TERSEBUT SEJAK 1982 BERJAYA MENENTUKAN TAHAP PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA BAGI FAEDAH BERSAMA.

AKHBAR ITU BERKATA PAKISTAN DAN MALAYSIA MEMPUNYAI SEJARAH KERJASAMA DALAM FORUM-FORUM ANTARABANGSA SEPERTI BANGSA-BANGSA BERSATU.

KATANYA MALAYSIA MENYOKONG PENDIRIAN PAKISTAN MENGENAI MASALAH DI AFGHANISTAN EKORAN PENCEROBOHAN OLEH TENTERA ASING DAN MENYETUJUI USAHA-USAHA MASYARAKAT ANTARABANGSA UNTUK MENCAPAI PENYELESAIAN MELALUI RUNDINGAN TERHADAP KRISIS ITU YANG MENAKIBATKAN YIGAJUTA RAKYAT AFGHANISTAN LARI KE PAKISTAN...

PAKISTAN PULA, KATA AKHBAR ITU, MENYOKONG PENDIRIAN MALAYSIA DALAM KONTEKS ASEAN BERHUBUNG CAMPURTANGAN TENTERA ASING DI KAMPUCHEA.

MENGENAI KEADAAN DI ASIA BARAT, KEDUA-DUA NEGARA BERSEPENDAPAT TENTANG PERJUANGAN ARAB DAN TELAH MENYERTAI FORUM BANGSA-BANGSA BERSATU DAN LAIN-LAIN UNTUK MEMBANTAH PENCEROBOHAN ISRAEL TERHADAP NEGARA-NEGARA JIRANNYA.--LAGI 1712/HM

ZCZC 8630

MAHATHIR AKHBAR 3 RAWALPINDI R'R'R'

AKHBAR ITU BERKATA MALAYSIA DAN PAKISTAN JUGA MEMBERI SOKONGAN MEREKA KEPADA GERAKAN ANTARABANGSA UNTUK MENAMATKAN PERTELINGKAHAN IRAN - IRAQ DAN PEPERANGAN DI LUBNAN.

SEMENTARA ITU PARA PEGAWAI PAKISTAN BERKATA BAHAWA DALAM MASA LAWATAN DATUK SERI DR. MAHATHIR, PAKISTAN MUNGKIN MENAWARKAN UNTUK MENJUAL LOJISIMEN DAN GULA YANG LENGKAP SEPERTI YANG DILAKUKAN DENGAN BANGLADESH DAN INDONESIA.

MALAYSIA BARU-BARU INI MEMBELI 50,000 TANN METRIK BERAS DARI PAKISTAN MANAKALA PAKISTAN PULA MERUPAKAN PELANGGAN TETAP BAGI MINYAK SAWIT MALAYSIA.

PAKISTAN JUGA BOLEH MENAWARKAN PERKHIDMATAN LATIHAN VAN RUNDINGAN.

LAPANGAN-LAPANGAN LAIN UNTUK MEMPERLUASKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA JUGA SEDANG DIKAJI, MISALNYA PAKISTAN BOLEH MENAWARKAN BUAH-BUAHAN SEGAR DENGAN BANYAKNYA.

PARA PEGAWAI ITU BERKATA BAHAWA ADA KEMUNGKINAN SEBUAH KILANG MEMPROSES MINYAK SAWIT DITUBUHKAN SECARA USAHASAMA DI KARACHI. PENUBUHAN KILANG TIMAH KEPING SECARA USAHASAMA JUGA SEDANG DIKAJI. --BERNAMA 1717/HM